



KANDUNGAN

<u>Bil</u>	<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat/ Lampiran</u>
1	Pengenalan	2 - 3
2.	Penerangan Mengenai Laporan Aset	
2.1	Laporan Baki Aset	4 - 8 (Lampiran 1)
2.2	Laporan Data Induk Aset	9 - 11 (Lampiran 2)
2.3	Laporan Perolehan Aset	12 - 14 (Lampiran 3)
2.4	Laporan Pengelasan Aset	15 - 17 (Lampiran 4)
2.5	Laporan Penilaian Semula Aset	18 – 20 (Lampiran 5)
2.6	Laporan Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan	21 – 23 (Lampiran 6)
2.7	Laporan Pelupusan Aset	24 – 26 (Lampiran 7)
2.8	Laporan Penjejasan Nilai Aset	27 – 29 (Lampiran 8)
2.9	Laporan Pindahan Aset	30 – 32 (Lampiran 9)
2.10	Laporan Susut Nilai Aset	33 – 35 (Lampiran 10)
2.11	Laporan Arahan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan	36 – 38 (Lampiran 11)
2.12	Laporan Status Baucar Jurnal Aset	39 - 40 (Lampiran 12)
3.	Penutup	




1. PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Booklet ini bertujuan untuk memberikan penerangan terperinci mengenai laporan-laporan aset kepada Pejabat Perakaunan seterusnya Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan kepada permintaan '*refresher course*' bagi laporan aset oleh pengguna di PTJ.

1.2 LATARBELAKANG

Berdasarkan kepada Mesyuarat Pengarah dan Ketua Akauntan Bilangan 3 Tahun 2020 bertarikh 9 Disember 2020 seperti petikan minit di bawah, BPOPP telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras taklimat mengenai laporan di portal iGFMAS.

 <p>JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA</p>	MINIT MESYUARAT PENGARAH DAN KETUA AKAUNTAN (MPKA) BILANGAN 3 TAHUN 2020 SESI AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
<p>3.16. LAPORAN DI PORTAL iGFMAS</p> <p>3.16.1 Mesyuarat di maklumkan terdapat banyak laporan di Portal iGFMAS yang telah sedia ada. Namun begitu, laporan ini tidak digunakan sepenuhnya oleh PTJ. Sehubungan itu, YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan agar sesi taklimat berkenaan laporan di Portal iGFMAS disediakan.</p> <p>3.16.2 Mesyuarat memutuskan:</p> <ul style="list-style-type: none">ii. Senarai Laporan sedia ada di Portal iGFMAS perlu dikenalpasti oleh BPTM dengan menyenaraikan maklumat dan fungsi bagi setiap laporan; daniii. BPOPP akan menjadi koordinator untuk menyelaras tenaga pengajar daripada <i>champion</i> Bahagian dan Kementerian untuk sesi latihan kepada pegawai. <p style="text-align: right;">Tindakan: BPTM dan BPOPP</p>	

Susulan daripada mesyuarat tersebut, BPOPP telah mengadakan kajian penggunaan laporan bagi menilai tahap penggunaan dan pemahaman PTJ terhadap laporan di portal iGFMAS.

Hasil kajian penggunaan laporan yang telah diadakan pada 11 Februari 2021 hingga 24 Februari 2021 menunjukkan bahawa lebih 50% daripada **2836** responden (PTJ) telah memilih agar laporan aset diberikan *refresher course* bagi tujuan pendedahan dan pengetahuan kepada PTJ.

Hasil kerjasama BPOPP, BPTM, BPOPA, IPN dan BA MOF, *booklet* ini telah berjaya disediakan bagi tujuan rujukan dan bahan untuk *refresher course* kepada Pejabat Perakaunan dan PTJ. Pejabat Perakaunan akan memberikan taklimat kepada PTJ selanjutnya.



1.3 PENGENALAN KEPADA LAPORAN ASET

Di dalam iGFMS terdapat beberapa jenis laporan aset seperti berikut:-

Tugasan Data Induk Waran Baucar Jurnal Perolehan Pengurusan Arahkan Pembayaran Terimaan Panjar Perakaunan Aset Laporan JSM

Perolehan Aset Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan Pindahan Aset Pengelasan Aset Penjejasan Nilai Aset Penilaian Semula Aset Pembat

Laporan Baki Aset

▼ Laporan Transaksi

- Laporan Perolehan Aset
- Laporan Pengelasan Aset
- Laporan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan
- Laporan Pelupusan Aset
- Laporan Penjejasan Nilai Aset
- Laporan Pindahan Aset
- Laporan Susut Nilai Aset
- Laporan Penilaian Semula Aset

▼ Laporan-Laporan Aset Yang Lain

- Laporan Arahkan Penyelesaian
- Laporan Status Baucar Jurnal

LAPORAN BAKI ASET

Jana

PILIHAN TEMPOH MASA PELAPORAN

Tahun Kewangan * 2021

Tarikh (Seperti pada) * 30.04.2021

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar [] Sehingga []

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung 27020701 [] Sehingga []

PILIHAN OBJEK

Vot/Dana [] Sehingga []

Program/Aktiviti atau Projek/Setia/Subsetia/CP [] Sehingga []

Tugasan Data Induk Waran Baucar Jurnal Perolehan Pengurusan Arahkan Pembayaran Terimaan Panjar Perakaunan Aset Laporan JSM

Kumpulan PTJ & PTJ Kawalan Profil Aset Pajakan Kewangan Aset Aset Konsesi Kod Item Maklumat Pembekal Borang Akaun Pukal Borang Akaun Pukal Surat Setuju Terima

Data Induk Aset

- Data Induk Aset
- Aset Konsesi
- Aset Pajakan Kewangan

LAPORAN DATA INDUK ASET

Jana Cetak

PILIHAN TEMPOH MASA PELAPORAN

Tarikh Diwujudkan 14.06.2021 [] Sehingga []

Tarikh Dikemaskini [] Sehingga []

1.4 RUJUKAN DOKUMEN

Booklet ini hendaklah dibaca bersama dokumen-dokumen berikut:-

- Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset
- Manual Prosedur Kerja iGFMS - Modul Asset Accounting (AA)



2. PENERANGAN MENGENAI LAPORAN ASET

2.1 LAPORAN BAKI ASET

a) Pengenalan Laporan Baki Aset

Laporan Baki Aset memaparkan keseluruhan transaksi (secara terkumpul) yang telah berjaya di'post' dengan status dokumen 80 dan susut nilai secara berpusat yang diproses oleh Ibu Pejabat JANM, bagi aset yang telah dipermudahkan pada satu-satu tarikh pelaporan yang dipilih.

Transaksi Susut Nilai Aset Secara Manual, Penjejasan Nilai Aset dan Penilaian Semula Aset serta pembatalannya yang masih berstatus 60 (Telah di'post' di Submodul Aset) tidak dipaparkan di dalam laporan ini. Ia hanya akan dipaparkan setelah status bertukar kepada 80 (Telah di'post') semasa larian susut nilai bulanan secara berpusat oleh Ibu Pejabat JANM dibuat.

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

i. Siri dan subsiri kelas aset serta perihalnya

ii. **Maklumat Aset:**

No. Aset & Subnombor, Perihal Aset, Tarikh Dipermudahkan, Usia Guna (Tahun dan Bulan), Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Pegawai Pengawal Dipertanggung dan Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Pengawal Membayar dan Kump. PTJ & PTJ Membayar serta Kod Item (bagi laporan dalam format ALV sahaja).

iii. Maklumat Kos Aset:

Baki pada awal tahun, baki pada tarikh pelaporan yang dipilih, jumlah amaun perolehan, penilaian semula, pelupusan, pindahan, pengelasan dan penyelesaian aset dalam pembinaan.

iv. Maklumat Susut Nilai dan Penjejasan Nilai Terkumpul:

Baki pada awal tahun, baki pada tarikh pelaporan yang dipilih, jumlah amaun susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

v. Maklumat Nilai Buku:

Nilai Buku adalah Kos ditolak Susut Nilai & Penjejasan Nilai pada Tarikh (Seperti pada) yang dipilih.

b) Fungsi laporan

i. Memaparkan maklumat baki awal dan akhir serta maklumat seperti di perkara 2.1 (a) bagi setiap aset di PTJ untuk tujuan semakan dan pemantauan.



ii. Laporan Baki Aset memaparkan jumlah perbandingan antara baki awal tahun dengan baki tempoh pelaporan yang dipilih bagi 2 perkara berikut:

- Kos aset
- Susut Nilai dan Penjejasan Nilai Aset Terkumpul


c) Panduan penjanaan

i. Laporan ini dijana berdasarkan data induk aset terkini pada satu-satu tempoh pelaporan yang dipilih.

ii. Laporan ini boleh dijana dengan pilihan format berikut:

- PDF
- ALV

Laporan dalam format ALV boleh dimuat turun ke dalam fail Ms Excel dengan menekan butang Export:



Bagi laporan format ALV, 'subheader' dipaparkan di 6 lajur terawal laporan.

iii. Laporan ini dijana berdasarkan salah satu daripada Pilihan Entiti berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Sehingga

Maklumat yang dipaparkan di 'header' dan 'subheader' laporan adalah bergantung kepada PILIHAN ENTITI yang dipilih, seperti contoh berikut:

PILIHAN ENTITI	
Kumpulan PTJ & PTJ Membayar	<input type="text"/> Sehingga <input type="text"/>
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung	21060101 <input type="text"/> Sehingga <input type="text"/>
Laporan : ZWDAAR028	Header
Kod Transaksi : ZWDAAA028	JABATAN PERDANA MENTERI
Pengguna : SAPUSER	LAPORAN BAKI ASET TAHUN KEWANGAN 2019
	SEPERTI PADA 31.12.2019
Pegawai Pengawal : B3	KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2018
Pejabat Perakaunan : 1101	JABATAN PERDANA MENTERI
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 21060101	Kumpulan PTJ PTJ SABAH_2017
	Subheader



Sekiranya Pilihan Entiti adalah Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, maklumat Pegawai Pengawal Dipertanggung, Pejabat Perakaunan Dipertanggung dan Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung akan dipaparkan sebagai 'subheader', manakala maklumat Pegawai Pengawal Membayar dan Kump. PTJ & PTJ Membayar akan dipaparkan di dalam 'report body' dan sebaliknya, seperti contoh di bawah:

Subheader						
Pegawai Pengawal	: B3	KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2018				
Pejabat Perakaunan	: 1101	JABATAN PERDANA MENTERI				
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung	: 21060101	Kumpulan PTJ PTJ SABAH_2017				

Kelas Aset	Perihal Kelas Aset					
Vot / Dana	Program / Aktiviti	Projek / Setia / Subsetia / CP				
No. Aset-Subnombor	Perihal Aset	Tarikh Dipermodalkan			Usia Guni	

Kod Membayar		Pada 01/01/2019		Perolehan	Penilaian Semula	Pelupusan
Pegawai Pengawal	Kumpulan PTJ & PTJ	(RM)		(RM)	(RM)	(RM)

A1433200	PEMBAIKAN KEMUDAHAN	Report body				
A1433201	KEMUDAHAN JALANRAYA					

G000						
100000000007-0	Description long for wall mounted				01.01.2019	
B3	21060101	0.00	1,000,000.00	0.00	0.00	
Jumlah G000		0.00	1,000,000.00	0.00	0.00	

iv. Laporan ini boleh dijana berdasarkan pilihan nilai buku seperti berikut:

PILIHAN TAMBAHAN

Kelas Aset (Kod Akaun) Sehingga

Carian Berdasarkan:

No. Aset & Subnombor

No. Aset Sehingga

Subnombor Sehingga

Pilihan Paparan Nilai Buku:

Semua

Nilai Buku Berbaki

Nilai Buku Tiada Baki

Sekiranya Nilai Buku Tiada Baki dipilih, hanya aset dengan Nilai Buku RM0.00 akan dipaparkan. Sebaliknya, jika Nilai Buku Berbaki dipilih, hanya aset yang mempunyai baki Nilai Buku akan dipaparkan.

v. Terdapat juga pilihan untuk memaparkan baki aset berdasarkan No. Kump. Aset, namun fungsi ini hanya tersedia untuk pilihan format ALV sahaja.



PILIHAN TAMBAHAN

Kelas Aset (Kod Akaun) Sehingga

Carian Berdasarkan:

No. Aset & Subnombor

No. Aset Sehingga

Subnombor Sehingga

Pilihan Paparan Nilai Buku:

Semua

Nilai Buku Berbaki

Nilai Buku Tiada Baki

No. Kumpulan Aset

No. Kumpulan Aset Sehingga

- vi. Panduan terperinci penjanaan laporan boleh didapati di dalam Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset – muka surat 235.

Contoh Laporan Baki Aset – Lampiran 1

- i. Laporan Baki Aset PDF
- ii. Laporan Baki Aset ALV

d) Kekerapan Penjanaan

Laporan ini dijana mengikut tarikh seperti pada hujung bulan sesuatu bulan perakaunan bagi sesuatu Tahun Kewangan.

Laporan ini adalah lebih tepat untuk dijana selepas larian susut nilai bulanan oleh Ibu Pejabat JANM.

Penjanaan laporan adalah berdasarkan keperluan PTJ dan arahan yang berkuatkuasa.

e) Nota Penting

- i. Amaun Pindahan, Pengelasan dan Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan yang dipaparkan adalah merujuk kepada amaun kos aset pemberi (aset yang dipindahkan, dikelaskan dan aset dalam pembinaan yang diselesaikan) di dalam dokumen Pindahan, Pengelasan, Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan serta dokumen pembatalannya.



Amaun aset yang menerima (menerima pindahan, pengelasan dan penyelesaian aset dalam pembinaan) di dalam ketiga-tiga dokumen tersebut serta pembatalannya dipaparkan di dalam amaun Perolehan.

- ii. Transaksi pelarasan dan pembatalannya dipaparkan di dalam amaun Perolehan.
- iii. Transaksi pembatalan Perolehan dan Pelupusan masing-masing dipaparkan di dalam amaun Perolehan dan Pelupusan.



2.2 LAPORAN DATA INDUK ASET

a) Pengenalan Laporan Data Induk Aset

Laporan Data Induk Aset memaparkan maklumat mengenai data induk sesuatu aset mengikut tempoh pelaporan yang dipilih.

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

- i. Kelas aset serta perihalnya;
- ii. **Maklumat Aset:**

No. Aset & Subnombor, Perihal Aset, Tarikh Diwujudkan, Tarikh Dikemaskini, Tarikh Dipermodalkan, Tarikh Tidak Aktif, No. Kump. Aset, Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Kod Item dan perihalnya, Butiran Lain Perihal Aset, Nilai Sisa, No. Siri/Casis/No. Hak Milik dan Pejabat Perakaunan aset.
- iii. Usia Guna (Tahun dan Bulan), Baki Usia Guna (Tahun dan Bulan)
- iv. Pegawai Pengawal Dipertanggung dan Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Pengawal Membayar dan Kump. PTJ & PTJ Membayar.
- v. Maklumat terperinci pajakan.
- vi. Maklumat tambahan yang lain.
- vii. Maklumat penutupan ('shutdown') dan 'block' untuk 'posting'.
- viii. ID Pengguna yang mewujudkan dan mengemaskini data induk aset serta sumber pewujudan.

b) Fungsi laporan

- i. Memaparkan maklumat data induk sesuatu aset mengikut tempoh pelaporan yang dipilih bagi tujuan semakan dan pemantauan.
- ii. Laporan ini digunakan bagi memantau ID aset yang telah diwujudkan tetapi tidak digunakan (sesuatu ID aset yang telah diwujudkan tidak boleh dihapuskan).

c) Panduan penjanaan

- i. Laporan ini dijana berdasarkan data induk aset yang terkini.
- ii. Laporan ini boleh dijana dengan pilihan format berikut:
 - PDF
 - ALV

Laporan format ALV memaparkan lebih banyak maklumat data induk aset berbanding laporan format PDF. Laporan dalam format ALV juga boleh dimuat turun ke dalam fail Ms Excel dengan menekan butang Export:



View : [Standard View] Export

Pilihan Entiti - Pegawai Pengawal Dipertanggung

B3

Bagi laporan format ALV, 'subheader' dipaparkan di 6 lajur terawal laporan.

- iii. Laporan ini dijana berdasarkan salah satu daripada Pilihan Entiti berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Sehingga

Maklumat yang dipaparkan di 'header' dan 'subheader' laporan adalah bergantung kepada PILIHAN ENTITI yang dipilih, seperti contoh berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung 24010101 Sehingga

Laporan : ZWDAAR048 Header KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Kod Transaksi : ZWAAAR048 LAPORAN DATA INDUK

Pengguna : SAPUSER BAGI TEMPOH

Pegawai Pengawal : B6 KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (2016)

Pejabat Perakaunan : 1102 KEMENTERIAN KEWANGAN Subheader

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 24010101 BAHAGIAN PENTADBIRAN (2018)

Sekiranya Pilihan Entiti adalah Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, maklumat Pegawai Pengawal Dipertanggung, Pejabat Perakaunan Dipertanggung dan Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung akan dipaparkan sebagai 'subheader', manakala maklumat Pegawai Pengawal Membayar dan Kump. PTJ & PTJ Membayar akan dipaparkan di dalam 'report body' dan sebaliknya, seperti contoh di bawah:

Pegawai Pengawal : B6 KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN (2016)

Pejabat Perakaunan : 1102 KEMENTERIAN KEWANGAN Subheader

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 24010101 BAHAGIAN PENTADBIRAN (2018)

Kelas Aset	Perihal Kelas Aset	Projek/Selesai/Subseksi/CP	Tarikh	Usia	Baki	Nilai	Kod Item	No.	Kod Membayar	
Vol/Dana	Program/Aktiviti			Guna	Usia Guna	Sisa (RM)		Sih/Casus/No. Hak Milik		
Number Aset - Subnombor	Perihal Aset		Diwujudkan	Dikemaskini	Dipermodakan	Tidak Aktif			Pejabat Perakaunan	
									Pegawai Pengawal	
									Kumpulan PTJ & PTJ	
A1433201	KEMUDAHAN JALANRAYA								Report body	
G000									B3	
100000096897-0	Description long for wall mounted		25.06.2019	21.04.2021	01.01.2019	00000	0.00	261015150000000000	1101	2106010



- iv. Terdapat 4 pilihan status aset semasa menjana laporan:

Pilihan Status Aset	<input checked="" type="radio"/> Semua
	<input type="radio"/> Aktif
	<input type="radio"/> Tidak Aktif
	<input type="radio"/> Tiada Posting

Aktif: Aset telah dipermodalkan dan belum berstatus tidak aktif

Tidak aktif: Aset yang telah dipermodalkan dan telah menjadi tidak aktif disebabkan oleh:

- Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan
- Pindahan aset
- Pengelasan aset
- Pelupusan aset

Tiada 'posting': Aset yang belum ada apa-apa transaksi dilakukan ke atasnya

- v. Terdapat juga pilihan untuk memaparkan data induk aset berdasarkan No. Kump. Aset. Fungsi ini hanya tersedia bagi pilihan format laporan ALV.
- vi. Panduan terperinci penjaanaan laporan boleh didapati di dalam Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset – muka surat 4.

Contoh Laporan Data Induk Aset – [Lampiran 2](#)

- i. Laporan Data Induk Aset PDF
- ii. Laporan Data Induk Aset ALV

d) Kekерapan Penjaanaan

Penjaanaan laporan adalah berdasarkan keperluan PTJ dan arahan yang berkuatkuasa.

e) Nota Penting

Tiada



2.3 LAPORAN PEROLEHAN ASET

a) Pengenalan Laporan Perolehan Aset

Laporan Perolehan Aset memaparkan semua transaksi perolehan termasuk pembatalannya, yang telah berjaya dipost dengan status dokumen 80.

Ia merangkumi transaksi perolehan berikut:

- Perolehan yang dibuat melalui Modul Aset, ePerolehan, iSPLN dan perolehan melalui Modul Material Management (MM).
- Pengelasan semasa penerimaan aset (GRN) bagi kuantiti pesanan melebihi 1 serta pembatalannya dan pelarasan kepada kos aset berikutan nota debit atau nota kredit
- Pelarasan aset
- Pindahan, pengelasan dan penyelesaian aset dalam pembinaan bagi aset penerima (termasuk transaksi yang di'post' secara pukal)
- Pembatalan bagi semua dokumen di atas.

Bagi Dokumen Pembatalan, indikator B akan dipaparkan. No. Dokumen yang dibatalkan hanya akan dipaparkan di pilihan Laporan Terperinci.

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

- i. Siri dan subsiri kelas aset serta perihalnya
- ii. Maklumat Aset:
No. Aset & Subnombor, Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Tarikh Dipermodalkan dan Perihal Aset
- iii. Maklumat dokumen:
No. Dokumen, Indikator Pembatalan, No. Dokumen yang Dibatalkan, Tarikh Dokumen, No. Dokumen Kawalan, Tarikh Perolehan, Tarikh Post, Pegawai Pengawal Menyedia, Kump. PTJ & PTJ Menyedia
- iv. Jenis Transaksi dan perihalnya
- v. Maklumat baris caj semasa 'posting': Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Kod Akaun, Kod Subsidiari (No. Aset & Subnombor), Pegawai Pengawal Dipertanggung, Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Membayar, Kump. PTJ & PTJ Membayar, Amaun Debit dan Kredit



b) Fungsi laporan


- i. Memaparkan maklumat perolehan (tarikh dipermodalkan) serta maklumat di perkara 2.3(a) bagi setiap aset di PTJ bagi tujuan semakan dan pemantauan.
- ii. PTJ dipertanggung boleh menyemak transaksi perolehan aset yang telah dibuat oleh PTJ membayar (bagi senario subwaran).

c) Panduan penjanaan

- i. Laporan ini dijana mengikut tahun kewangan, bulan perakaunan dan tempoh (tarikh 'post' – sekiranya diisi) yang dipilih, berdasarkan data induk aset/ baris caj yang digunakan semasa 'posting' dibuat.
- ii. Laporan ini boleh dijana dengan pilihan berikut:
 - Ringkasan (PDF sahaja)
 - Terperinci (PDF dan ALV)

Laporan Terperinci memaparkan transaksi dalam bentuk catatan beregu.

Laporan Terperinci ALV boleh dimuat turun ke dalam fail Ms Excel dengan menekan butang Export:



Bagi Laporan format ALV, 'subheader' dipaparkan di 6 lajur terawal laporan.

- iii. Laporan ini dijana berdasarkan salah satu daripada Pilihan Entiti berikut:

PILIHAN ENTITI			
Kumpulan PTJ & PTJ Membayar	<input type="text"/>	Sehingga	<input type="text"/>
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung	<input type="text"/>	Sehingga	<input type="text"/>

Maklumat yang dipaparkan di 'header' dan 'subheader' laporan adalah bergantung kepada PILIHAN ENTITI yang dipilih, seperti contoh berikut:



PILIHAN ENTITI	
Kumpulan PTJ & PTJ Membayar	<input type="text"/> Sehingga <input type="text"/> →
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung	27020701 <input type="text"/> Sehingga <input type="text"/> →

Laporan : ZWDAAR032	Header	KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
Kod Transaksi : ZWDAAR032		LAPORAN RINGKASAN PEROLEHAN ASET TAHUN KEWANGAN 2020
Pengguna : 910624145981		BAGI BULAN PERAKAUNAN 12

Pegawai Pengawal : B6	KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN	Subheader
Pejabat Perakaunan : 1102	KEMENTERIAN KEWANGAN	
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 27020701	PEJABAT PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN	

- iv. Pengguna boleh merujuk kepada Petunjuk Jenis Transaksi bagi mendapatkan maklumat tambahan proses perolehan yang dipaparkan, seperti contoh berikut:

Petunjuk Jenis Transaksi
120 - Perolehan Aset melalui Pesanan Kerajaan
Z71 - Nota Debit (MM)

- v. Panduan terperinci penjanaan laporan boleh didapati di dalam Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset – muka surat 21.

Contoh Laporan Perolehan Aset – [Lampiran 3](#)

- i. Laporan Ringkasan Perolehan Aset
- ii. Laporan Terperinci Perolehan Aset PDF
- iii. Laporan Terperinci Perolehan Aset ALV

d) Ke kerap an Penjanaan

Penjanaan laporan adalah berdasarkan keperluan PTJ dan arahan yang berkuatkuasa

e) Nota Penting

Tiada



2.4 LAPORAN PENGELASAN ASET

a) Pengenalan Laporan Pengelasan Aset

Laporan Pengelasan Aset memaparkan transaksi pengelasan bagi sesuatu aset kepada aset yang lain di dalam PTJ Dipertanggung yang sama serta pembatalannya yang telah berjaya dipost status dokumen 80, termasuk transaksi yang di'post' secara pukal.-

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- i. Siri dan subsiri kelas aset serta perihalnya
- ii. Maklumat Aset:
No. Aset & Subnombor, Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Tarikh Dipermodalkan dan Perihal Aset
- iii. Maklumat dokumen:
No. Dokumen, Indikator Pembatalan, No. Dokumen yang Dibatalkan, Tarikh Dokumen, No. Dokumen Kawalan, Tarikh Pengelasan, Tarikh Post, Pegawai Pengawal Menyedia, Kump. PTJ & PTJ Menyedia

Bagi Dokumen Pembatalan, indikator B akan dipaparkan. No. Dokumen yang dibatalkan hanya akan dipaparkan di pilihan Laporan Terperinci.
- iv. Jenis Transaksi dan perihalnya
- v. Maklumat baris caj semasa 'posting':
Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Kod Akaun, Kod Subsidiari (No. Aset & Subnombor), Pegawai Pengawal Dipertanggung, Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Membayar, Kump. PTJ & PTJ Membayar, Amaun Debit dan Kredit

b) Fungsi laporan

- i. Memaparkan maklumat pengelasan aset serta maklumat dii perkara 2.4 bagi setiap aset di PTJ bagi tujuan semakan dan pemantauan.


c) Panduan penjanaan

- i. Laporan ini dijana mengikut tahun kewangan, bulan perakaunan dan tempoh (tarikh 'post' – sekiranya diisi) yang dipilih, berdasarkan data induk aset/ baris caj yang digunakan semasa 'posting' dibuat.
- ii. Laporan ini boleh dijana dengan pilihan berikut:
 - Ringkasan (PDF sahaja)
 - Terperinci (PDF dan ALV)



Laporan Terperinci memaparkan transaksi dalam bentuk catatan beregu.

Laporan Terperinci ALV boleh dimuat turun ke dalam fail Ms Excel dengan menekan butang Export:



Bagi Laporan format ALV, 'subheader' dipaparkan di 6 lajur terawal laporan.

- iii. Laporan ini dijana berdasarkan salah satu daripada Pilihan Entiti berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Sehingga

Maklumat yang dipaparkan di 'header' dan 'subheader' laporan adalah bergantung kepada PILIHAN ENTITI yang dipilih, seperti contoh berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung **21060101** Sehingga

Laporan : ZWDAAR035 **Header** **JABATAN PERDANA MENTERI**

Kod : ZWDAAR035 **LAPORAN RINGKASAN PENGELASAN ASET TAHUN**

Transaksi : SAPUSER **BAGI BULAN PERAKAUNAN 04**

Pengguna

Pegawai Pengawal : B3 **Subheader** KETUA SETIAUSAHA NEGERA 2018

Pejabat Perakaunan : 1101 JABATAN PERDANA MENTERI

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 21060101 Kumpulan PTJ PTJ SABAH 2017

- iv. Pengguna boleh merujuk kepada Petunjuk Jenis Transaksi bagi mendapatkan maklumat tambahan proses perolehan yang dipaparkan, seperti contoh berikut:

Petunjuk Jenis Transaksi

Z52 Pengelasan drpd Aset (Perolehan Thn Semasa)

- vi. Panduan terperinci penjanaaan laporan boleh didapati di dalam Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset – muka surat 43.



Contoh Laporan Pengelasan Aset – [Lampiran 4](#)

- i. Laporan Ringkasan Pengelasan Aset
- ii. Laporan Terperinci Pengelasan Aset PDF
- iii. Laporan Terperinci Pengelasan Aset ALV

d) Kekekapan Penjanaaan

Penjanaaan laporan adalah berdasarkan keperluan PTJ dan arahan yang berkuatkuasa

e) Nota Penting

Tiada



2.5 LAPORAN PENILAIAN SEMULA ASET

a) Pengenalan Laporan Penilaian Semula Aset

Laporan Penilaian Semula Aset memaparkan transaksi penilaian semula aset sama ada penambahan atau pengurangan penilaian semula, yang melibatkan susut nilai dinyatakan atau tidak dinyatakan, serta pembatalan bagi transaksi tersebut.

Laporan ini hanya memaparkan transaksi yang telah berjaya di'post' di Sub Modul Aset (status dokumen 60) dan telah berjaya di'post' di peringkat FI (status dokumen 80), termasuk transaksi yang di'post' secara pukal.

- Bagi dokumen yang berstatus 60, No. Dokumen Kawalan dan Tarikh Post tidak akan dipaparkan.
- Bagi Dokumen Pembatalan, indicator B akan dipaparkan. No. Dokumen yang dibatalkan hanya akan dipaparkan di pilihan Laporan Terperinci.

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:-

- i. Siri dan subsiri kelas aset serta perihalnya
- ii. Maklumat Aset:
No. Aset & Subnombor, Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Tarikh Dipermodalkan dan Perihal Aset
- iii. Maklumat dokumen:
No. Dokumen, Indikator Pembatalan, No. Dokumen yang Dibatalkan, Tarikh Dokumen, No. Dokumen Kawalan, Tarikh Penilaian Semula, Tarikh Post, Pegawai Pengawal Menyedia, Kump. PTJ & PTJ Menyedia
- iv. Jenis Transaksi dan perihalnya
- v. Maklumat baris caj semasa 'posting':
Vot/ Dana, Program/ Aktiviti, Projek/ Setia/ Subsetia/ CP, Kod Akaun, Kod Subsidiari (No. Aset & Subnombor), Pegawai Pengawal Dipertanggung, Kump. PTJ & PTJ Dipertanggung, Pegawai Pengawal Membayar, Kump. PTJ & PTJ Membayar, Amaun Debit dan Kredit

b) Fungsi laporan

- i. Memaparkan maklumat penilaian serta maklumat dii perkara 2.5(a) bagi setiap aset di PTJ bagi tujuan semakan dan pemantauan.




c) Panduan penjanaan

- i. Laporan ini dijana mengikut bulan perakaunan atau tarikh 'post' yang dipilih, berdasarkan data induk aset/ baris caj yang digunakan semasa 'posting' dibuat.
- ii. Laporan ini boleh dijana dengan pilihan berikut:
 - Ringkasan (PDF sahaja)
Laporan Ringkasan memaparkan transaksi penilaian semula aset dan susut nilai yang dinyatakan (sekiranya ada).

- Terperinci (PDF dan ALV)

Laporan Terperinci memaparkan transaksi penilaian semula aset dalam bentuk catatan beregu.

Laporan Terperinci ALV boleh dimuat turun ke dalam fail Ms Excel dengan menekan butang Export:



- iii. Laporan ini dijana berdasarkan salah satu daripada Pilihan Entiti berikut:

PILIHAN ENTITI

Kumpulan PTJ & PTJ Membayar Sehingga

Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung Sehingga

Maklumat yang dipaparkan di 'header' dan 'subheader' laporan adalah bergantung kepada PILIHAN ENTITI yang dipilih, seperti contoh berikut:

PILIHAN ENTITI	
Kumpulan PTJ & PTJ Membayar	<input type="text"/> Sehingga <input type="text"/>
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung	21060101 Sehingga <input type="text"/>
Laporan : ZWDAAR034	Header
Kod : ZWDAAR034	JABATAN PERDANA MENTERI
Transaksi : SAPUSER	LAPORAN RINGKASAN PENILAIAN SEMULA ASET TAHUN KEWANGAN 2019
Pengguna	BAGI BULAN PERAKAUNAN 04
Pegawai Pengawal : B3	Subheader
Pejabat Perakaunan : 1101	KETUA SETIAUSAHA NEGARA 2019
Kumpulan PTJ & PTJ Dipertanggung : 21060101	JABATAN PERDANA MENTERI
	Kumpulan PTJ PTJ SABAH_2017



Bagi Laporan format ALV, 'subheader' dipaparkan di 6 lajur terawal laporan.

- iv. Pengguna boleh merujuk kepada Petunjuk Jenis Transaksi bagi mendapatkan maklumat tambahan proses penilaian yang dipaparkan, seperti contoh berikut:

Petunjuk Jenis Transaksi Z89 Penilaian Semula Tahun Semasa SND

- v. Panduan terperinci penjanaaan laporan boleh didapati di dalam Manual Pengguna Modul Perakaunan Aset – Laporan Perakaunan Aset – muka surat 66.

Contoh Laporan Penilaian Aset – [Lampiran 5](#)

- i. Laporan Ringkasan Penilaian Semula Aset
- ii. Laporan Terperinci Penilaian Semula Aset PDF
- iii. Laporan Terperinci Penilaian Semula Aset ALV

d) Keperluan Penjanaaan

Penjanaaan laporan adalah berdasarkan keperluan PTJ dan arahan yang berkuatkuasa

e) Nota Penting

Tiada



2.6 LAPORAN PROSES PENYELESAIAN ASET DALAM PEMBINAAN

a) Pengenalan Laporan Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan

Laporan Proses Penyelesaian Aset Dalam Pembinaan memaparkan transaksi penyelesaian bagi sesuatu aset dalam pembinaan serta pembatalannya yang telah berjaya dipost dengan status dokumen 80.

Laporan ini mengandungi maklumat-maklumat berikut:

- i. Siri dan subsiri kelas aset serta perihalnya
- ii. Maklumat Aset:
